



**MENTERI** Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke negara ini, Tuan Yang Terutama Abdulhamid Fekri semasa hadir dalam Majlis Ulang Tahun Kemenangan Republik Islam Iran Ke-36 yang diadakan di Hotel Antarabangsa Rizqun.

Oleh : Mohammad Arif Matali  
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

**GADONG**, Rabu, 11 Februari. - Negara Brunei Darussalam dan Republik Islam Iran telah menjalin pelbagai kerjasama sejak kedua-dua buah negara menubuhkan hubungan diplomatik pada 1 Mei 1990.

Menurut Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke negara ini, Tuan Yang Terutama Abdulhamid

Fekri, hubungan di antara negaranya dan Brunei Darussalam telah teratur dalam dua hala, serantau dan bidang antarabangsa.

Sejak Republik Islam Iran menubuhkan kedutaannya di Bandar Seri Begawan pada tahun 1994, beberapa perjanjian kerjasama juga telah ditandatangani seperti

## Hubungan diplomatik Brunei - Iran terus kukuh

Memorandum Persefahaman dalam bidang ekonomi, perdagangan, saintifik dan kebudayaan.

Tuan Yang Terutama antara lain menjelaskan mengenai perkembangan hubungan dua hala di antara kedua-dua negara itu pada Majlis Ulang Tahun Kemenangan Republik Islam Iran Ke-36 yang diadakan di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Tambah TYT, Negara Brunei Darussalam dan Republik Islam Iran juga mempunyai banyak persamaan dalam bidang kebudayaan, agama, politik dan ekonomi.

Terdahulu, TYT juga mengucapkan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kerajaan, rakyat dan penduduk di negara ini yang bakal merayakan Ulang Tahun Hari Kebangsaan pada 23 Februari ini.

Hadir mewakili Kerajaan Kebawah DYMM pada Majlis Resepsi tersebut ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Majlis Resepsi dimulakan dengan



**YANG** Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

nyanyian lagu kebangsaan kedua-dua buah negara diikuti bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh qari negara, Awang Haji Md. Fahmi bin Haji Metussin disusuli acara memotong kek

sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Republik Islam Iran.

Yang Berhormat juga mencrima cenderamata dari TYT Abdulhamid Fekri.

## Pelajar UNISSA dalam adat istiadat negara



**PARA** pelajar dari UNISSA mendengarkan taklimat semasa membuat lawatan ke Jabatan Adat Istiadat Negara.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 11 Februari. - Seramai 77 mahasiswa dan mahasiswi tahun pertama Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan lawatan ilmiah ke Jabatan Adat Istiadat Negara di ibu negara.

Lawatan sambil belajar ini adalah satu aktiviti yang diadakan bagi Kursus Melayu Islam Beraja (MIB) di universiti berkenaan yang bertujuan untuk memberikan pendedahan bagi meningkatkan kefahaman dan penghayatan terhadap kursus ini.

Dalam lawatan tersebut, mereka telah diperdengarkan taklimat ringkas mengenai peranan dan tanggungjawab Jabatan Adat Istiadat Negara.

Adat istiadat bukanlah peraturan yang beku, bahkan terus hidup subur dan berkembang dengan mengambil mana-mana unsur kebudayaan lain dan unsur-unsur kemajuan yang sesuai dengan keperibadian orang Brunei.

Tujuan lawatan tersebut ialah untuk memberi peluang kepada mahasiswa dan mahasiswi UNISSA mengenali secara dekat tentang bangunan Lapau dan mengetahui fungsinya secara umum serta memberikan pendedahan dan tunjuk ajar serta tatacara yang betul dalam menggunakan Bahasa Dalam, Terasul dan sebagainya.

Semasa berada di Lapau, mereka berpeluang mendapatkan pengetahuan serba sedikit mengenai peranan Lapau khususnya Istiadat Bergelar, Malam Berjaga-Jaga dan Istiadat Membuka Nobat.

Setelah itu, mereka mendengarkan taklimat mengenai 'Terasul dan Bahasa Pengganti Diri' yang antara lain menjelaskan bahawa terasul adalah gabungan nama yang indah dan disebut sebelum nama gelaran kemudian diikuti oleh nama sebenar seseorang.

## Fahami adat istiadat, penggunaan Bahasa Dalam



**SETIAUSAHA** Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos semasa hadir mendengarkan Seminar / Taklimat Adat Istiadat dan Penggunaan Bahasa Dalam di Dewan Raya RTB.

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Hamzah Mohiddin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 11 Februari. - Untuk memberi pengetahuan dan seterusnya meningkatkan lagi kefahaman yang sedia ada dalam Adat Istiadat dan penggunaan Bahasa Dalam, Radio Televisyen Brunei (RTB) dengan kerjasama Jabatan Adat Istiadat Negara, mengadakan Seminar/ dan Taklimat Adat Istiadat dan

Penggunaan Bahasa Dalam, bertempat di Dewan Raya RTB.

Seminar dan taklimat yang diadakan merupakan salah satu tanggungjawab bagi sama-sama

mempertahankan dan melengkapkan diri semua peringkat pegawai dan kakitangan RTB dengan keakhliaan serta tingkah laku dan percakapan yang baik sesuai dengan orang beristiadat dan bertanggungjawab, selaku orang-orang yang terlibat dalam kerja-kerja beristiadat.

Di samping itu, ianya juga bertujuan untuk memberikan pengetahuan dan

seterusnya meningkatkan lagi kefahaman yang sedia ada dalam Adat Istiadat dan penggunaan Bahasa Dalam di kalangan semua peringkat pegawai dan kakitangan RTB.

Hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.

Juga hadir ialah Pengarah RTB, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu dan Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Pada seminar dan taklimat tersebut, Penolong Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Pengiran Dr. Hidop bin Pengiran Haji Samsuddin menyampaikan ceramah bertajuk 'Adat Istiadat'.

Sementara itu, ceramah bertajuk 'Penggunaan Bahasa Dalam' pula disampaikan oleh Pegawai Adat Istiadat, Awangku Mohd. Noor Hamaddi bin Pengiran Ahmad.

Lebih 200 pegawai dan kakitangan daripada pelbagai kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan hadir pada seminar dan taklimat berkenaan.



**TAKLIMAT** Adat Istiadat disampaikan oleh Penolong Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Pengiran Dr. Hidop bin Pengiran Haji Samsuddin dan Pegawai Adat Istiadat, Awangku Mohd. Noor Hamaddi bin Pengiran Ahmad.